

Iscos beri \$96 ribu dermasiswa kepada 315 pelajar kurang bernasib baik

PENCAPAIAN dan kerja keras sekitar 315 pelajar kurang bernasib baik diiktiraf Persatuan Syarikat Kerjasama Perusahaan dan Perkhidmatan (Iscos) dalam satu majlis penyempurnaan anugerah setemalam.

Persatuan tersebut telah menuguhkan dermasiswa bernilai lebih \$96,200 kepada pelajar peringkat sekolah rendah, menengah, dan pengajian tinggi yang juga terdiri daripada anak pesalah dan bekas banduan.

Anugerah dermasiswa ISCOS, yang turut ditaja Sheng Siong Group tahun ini, merupakan inisiatif di bawah Program Dana Reben Kuning-Iscos Fairy Godparent (FGP) yang bertujuan untuk memberi ganjaran kepada mereka yang telah berusaha dengan tekun dan gigih dalam bidang akademik mereka untuk penggal ini.

Dua anugerah baru diperkenalkan tahun ini, antaranya Anugerah Pencapaian Luar Biasa yang bertujuan untuk meraikan pencapaian cemerlang pelajar.

Anugerah tersebut diberikan kepada pelajar yang berjaya mendapatkan keputusan 80 peratus ke atas dalam peperiksaan akhir tahun mereka.

Anugerah Kemajuan Terbaik pula mengiktiraf kemajuan pelajar dalam usaha mendapatkan keputusan yang lebih baik. Ia diberikan kepada pelajar yang menunjukkan kemajuan sekurang-kurangnya 15 mata antara keputusan pertengahan tahun dan akhir tahun.

Tetamu terhormat majlis tersebut adalah Setiausaha Parlimen Kanan (Pembangunan Sosial dan Keluarga merangkap Pendidikan), Profesor Madya Muhammad Faishal Ibrahim.

Dalam ucapan alu-aluannya, Dr Faishal memberikan kata-kata



CEKAL HADAPI CABARAN: Pelajar yang menjabat tangan Setiausaha Parlimen Kanan (Pembangunan Sosial dan Keluarga merangkap Pendidikan), Profesor Madya Muhammad Faishal Ibrahim, merupakan antara 315 pelajar peringkat rendah dan menengah yang diberi dermasiswa Iscos kerana mendapat keputusan baik. - Foto: ISCOS

perangang kepada para penerima dermasiswa.

"Sementara anda terus bekerja keras dalam pembelajaran, usah lupa bahawa anda juga harus mempelajari bagaimana caranya untuk menyumbang kembali kepada masyarakat secara dinamik.

"Saya ingin menggalak anda supaya terus bekerja keras dalam perjalanan ini dan saya yakin dengan kebolehan anda untuk berkongsi dan menyumbang kembali kepada masyarakat secara keseluruhannya," katanya.

Menurut Dr Faishal, FGP telah

menyumbang sekitar \$527,000 bagi keperluan pelajar sejak ia dimulakan pada 2011.

Selain membantu membiayai barangan sekolah yang diperlukan serta keperluan pendidikan, anugerah dermasiswa itu juga bertujuan mendorong pelajar untuk terus bekerja keras dan maju dengan cemerlang dalam kehidupan mereka.

Selain mengahlikan dermasiswa, FGP juga mengendalikan Projek Bantuan Persekitaran Pembelajaran untuk membina tempat yang sesuai untuk belajar dalam rumah-rumah penerima bantuan mereka.

FGP juga menganjurkan acara-acara yang menggalak pembelajaran kemahiran kehidupan dan menggalak keluarga mengeratkan silaturahim.

Biasiswa yang diberi berbeza bagi setiap tahap pendidikan.

Mereka yang berada di peringkat darjah satu hingga tiga menerima dermasiswa sebanyak \$200 manakala peringkat darjah empat hingga enam menerima dermasiswa \$250.

Pelajar menengah dan pengajian tinggi pula masing-masing menerima dermasiswa \$400 dan \$500.

Text:

ISCOS beri \$96 ribu dermasiswa kepada 315 pelajar kurang bernasib baik



Pencapaian dan kerja keras sekitar 315 pelajar kurang bernasib baik diiktiraf Persatuan Syarikat Kerjasama Perusahaan dan Perkhidmatan (Iscos) dalam satu majlis penyampaian anugerah semalam.

Persatuan tersebut telah menganugerahkan dermasiswa bernilai lebih \$96,200 kepada pelajar peringkat sekolah rendah, menengah, dan pengajian tinggi yang juga terdiri daripada anak pesalah dan bekas banduan.

Anugerah dermasiswa ISCOS, yang turut ditaja Sheng Siong Group tahun ini, merupakan inisiatif di bawah Program Dana Reben Kuning-Iscos Fairy Godparent (FGP) yang bertujuan untuk memberi ganjaran kepada mereka yang telah berusaha dengan tekun dan gigih dalam bidang akademik mereka untuk penggal ini.

Dua anugerah baru diperkenalkan tahun ini, antaranya Anugerah Pencapaian Luar Biasa yang bertujuan untuk meraikan pencapaian cemerlang pelajar.

Anugerah tersebut diberikan kepada pelajar yang berjaya mendapatkan keputusan 80 peratus ke atas dalam peperiksaan akhir tahun mereka.

Anugerah Kemajuan Terbaik pula mengiktiraf kemajuan pelajar dalam usaha mendapatkan keputusan yang lebih baik. Ia diberikan kepada pelajar yang menunjukkan kemajuan sekurang-kurangnya 15 mata antara keputusan pertengahan tahun dan akhir tahun.

Tetamu terhormat majlis tersebut adalah Setiausaha Parlimen Kanan (Pembangunan Sosial dan Keluarga merangkap Pendidikan), Profesor Madya Muhammad Faishal Ibrahim.

Dalam ucapan alu-aluannya, Dr Faishal memberikan kata-kata perangsang kepada para penerima dermasiswa.

"Sementara anda terus bekerja keras dalam pembelajaran, usah lupa bahawa anda juga harus mempelajari bagaimana caranya untuk menyumbang kembali kepada masyarakat secara dinamik."

"Saya ingin menggalak anda supaya terus bekerja keras dalam perjalanan ini dan saya yakin dengan kebolehan anda untuk berkongsi dan menyumbang kembali kepada masyarakat secara keseluruhannya," katanya.

Menurut Dr Faishal, FGP telah menyumbang sekitar \$527,000 bagi keperluan pelajar sejak ia dimulakan pada 2011.

Selain membantu membiayai barangan sekolah yang diperlukan serta keperluan pendidikan, anugerah dermasiswa itu juga bertujuan mendorong pelajar untuk terus bekerja keras dan maju dengan cemerlang dalam kehidupan mereka.

Selain mengagihkan dermasiswa, FGP juga mengendalikan Projek Bantuan Persekitaran Pembelajaran untuk membina tempat yang sesuai untuk belajar dalam rumah-rumah penerima bantuan mereka.

FGP juga menganjurkan acara-acara yang menggalak pembelajaran kemahiran kehidupan dan menggalak keluarga mengeratkan silaturrahim.

Biasiswa yang diberi berbeza bagi setiap tahap pendidikan.

Mereka yang berada di peringkat darjah satu hingga tiga menerima dermasiswa sebanyak \$200 manakala peringkat darjah empat hingga enam menerima dermasiswa \$250.

Pelajar menengah dan pengajian tinggi pula masing-masing menerima dermasiswa \$400 dan \$500.



Translation:

ISCOS awards \$96,200 bursary awards to 315 disadvantaged students

The achievements and hard work of 315 disadvantaged students have been recognised by the Industrial and Services Co-Operative Society (Iscos) at the ISCOS Bursary Awards ceremony yesterday.

ISCOS has awarded \$96,200 worth of bursary awards to primary, secondary, and tertiary students who are children of inmates or ex-offenders.

Sponsored by Sheng Siong Group this year, the ISCOS Bursary Award is a major initiative under the Yellow Ribbon-ISCOS Fairy Godparent Programme (FGP) which rewards those who have worked diligently at their studies for the year.

Two new awards were introduced this year, including the Outstanding Achievement Award which aims to celebrate the students' excellent results. This award is given to students who have earned 80 per cent or more on in their final year examination.

The Good Progress Award recognises the progress made by students in achieving better results. It is given to students who demonstrated at least an improvement of 15 points between their mid-year and year-end results.

The Guest of Honour at the ceremony was Associate Professor Muhammad Faishal Ibrahim, Senior Parliamentary Secretary (SPS) of Ministry Of Social And Family Development and Ministry Of Education.

In his address, Dr Faishal gave encouraging words to the bursary award recipients.

"While you continue to work hard in your studies, what is equally important is learning of how to give back to society with dynamism and empathy. I encourage you to persevere through your learning journey, and am confident in your ability to share and contribute to the society at-large," he said.

According to Dr Faishal, ISCOS has disbursed around \$527,000 in bursary awards since it started in 2011.

Other than defraying the costs of the school supplies and educational needs, the bursary awards are also intended to motivate students to continue to work hard and progress well in life.

In addition to the Bursary Awards, the FGP also manages the Learning Environment Assistance Project (LEAP) to provide a conducive study environment for beneficiaries in their homes.

The FGP also organises events that promotes the learning of life skills and encourages family bonding.

The bursary quantum are different for each level of education.



Beneficiaries from Primary 1 to 3 receive \$200, while those from Primary 4 to 6 receive \$250.

Students at the secondary and tertiary levels receive \$400 and \$500 each.